

BERTARIKH PADA

HARI BULAN

20

PERJANJIAN PERKHIDMATAN

BAGI PROJEK

[.....]

ANTARA

.....

(NO. PENDAFTARAN SYARIKAT:)

DENGAN

.....

(NO. PENDAFTARAN SYARIKAT: /
NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN: /
NO. KAD PENGENALAN:)

PERJANJIAN ini dibuat pada hari bulan 2024

ANTARA

Pihak seperti yang diperincikan dalam **JADUAL A** kepada Perjanjian ini (kemudian daripada ini disebut “Penerbit”) sebagai satu pihak;

DENGAN

Pihak seperti yang diperincikan dalam **JADUAL B** (kemudian daripada ini disebut “Kru”) sebagai pihak yang satu lagi.

Penerbit dan Kru dirujuk secara berasingan sebagai "**Pihak**" atau secara kolektif sebagai "**Pihak-Pihak**".

BAHAWASANYA –

- (a) Penerbit merupakan pemegang lesen pengeluar yang sah dan berkuat kuasa daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (“Perbadanan”) menurut seksyen 22 Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [*Akta 244*].
- (b) Penerbit berhasrat untuk mendapatkan perkhidmatan Kru bagi projek yang dilaksanakan oleh Penerbit seperti yang diperincikan dalam **JADUAL C** Perjanjian ini (kemudian daripada ini disebut sebagai “Projek”). Kru bersetuju untuk melaksanakan perkhidmatan yang dikehendaki oleh Penerbit bagi maksud Projek.
- (c) Pihak-Pihak dengan ini bersetuju untuk memasuki Perjanjian ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang akan dilaksanakan oleh Pihak-Pihak bagi maksud Projek ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK SEPerti - BERIKUT:

1. TERMA DAN DEFINISI

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki sebaliknya dan jika digunakan dalam atau berkenaan dengan Perjanjian ini, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai makna yang diberikan seperti berikut:

- a. **"Akta 350"** bermaksud Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966. Pihak Penerbit hendaklah sentiasa mematuhi dan memastikan pematuhan peruntukan di dalam Akta 350 tersebut dan penglibatan Kru kanak-kanak dan Kru orang muda sepanjang pelaksanaan Projek;
- b. **"Akta 840"** bermaksud Akta Anti Gangguan Seksual 2022;
- c. **"Akta 265"** bermaksud Akta Kerja 1955;
- d. **"Akta 574"** bermaksud Kanun Keseksaan;
- e. **"Gangguan Seksual"** bermaksud sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini sama ada melalui lisan, bukan lisan, visual, gerak geri, psikologi atau fizikal yang ditujukan terhadap seseorang yang adalah menjelik atau menghina atau adalah suatu ancaman kepada kesejahteraannya, berbangkit dari dan dalam menjalankan pekerjaannya dan lain-lain perilaku yang jatuh di bawah seksyen 2 Akta 840;
- f. **"Hak Harta Intelek"** bermaksud hak penerbitan diberikan kepada pemilik di bawah undang-undang;

- g. **“Kru”** bermaksud orang yang ditawarkan perjanjian perkhidmatan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelakon atau pekerja atau kakitangan dalam pelaksanaan Projek tersebut.
- h. **“Kru Kanak-Kanak”** bermaksud pelakon yang berumur 15 tahun ke bawah semasa Perjanjian ini ditandatangani oleh penjaganya dan tertakluk kepada Akta 350.
- i. **“Kru Orang Muda”** bermaksud pelakon yang berumur 15 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun semasa Perjanjian ini ditandatangani oleh penjaganya dan tertakluk kepada Akta 350.
- j. **“Kru Veteran”** bermaksud kru yang mempunyai banyak pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang berkaitan dengan industri seni.
- k. **“Nilai Perkhidmatan”** bermaksud jumlah yang harus dibayar oleh Penerbit kepada Kru berdasarkan Perjanjian ini sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Jadual F**;
- l. **“Perjanjian”** bermaksud Perjanjian perkhidmatan ini, bait-bait yang dinyatakan dalam mukadimah ini, dan semua jadual yang dilampirkan di sini, serta semua pindaan, penambahan, pernyataan semula atau pengubahsuaian yang dibuat di sini dan di dalamnya dan semua dokumen lain yang digabungkan di sini atau di dalamnya sebagai rujukan, semuanya dengan ini dijadikan bahagian tidak terpisahkan dan akan dibaca seolah-olah termasuk dalam teks perjanjian perkhidmatan ini;

- m. **“Penerbit”** bermaksud Syarikat dan/atau wakil Syarikat yang memegang lesen pengeluar yang sah dan berkuat kuasa daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (“Perbadanan”) menurut seksyen 22 Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244];
- n. **“Perkhidmatan”** bermaksud skop pekerjaan dan/atau tugas-tugas Kru sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Jadual E** Perjanjian ini dan/atau sebarang tugas yang dipersetujui oleh pihak-pihak dalam pelaksanaan Projek ini;
- o. **“Projek”** bermaksud, tetapi tidak terhad kepada bahan/ penerbitan/ dokumentari/ filem/ video/ multimedia/ muzik video/ iklan/ kandungan media yang dilaksanakan oleh Penerbit seperti yang diperincikan dalam **JADUAL C** kepada Perjanjian ini;
- p. **“Tarikh Berkuatkuasa”** bermaksud tarikh bulan, tahun Perjanjian ini ditandatangani kedua-dua Pihak;
- q. **“Tempoh Perkhidmatan”** bermaksud tempoh pelaksanaan Perjanjian sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual E**; dan
- r. **“Waktu Kerja”** bermaksud hari dan waktu yang dipersetujui, tidak melebihi tempoh 12 jam, oleh Pihak-pihak dalam pelaksanaan Projek di dalam Perjanjian ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukkan undang-undang di Malaysia (termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Kerja 1955, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dan mana-mana yang berkaitan).

2. SKOP PERJANJIAN

- 2.1 Penerbit dengan ini menghendaki Perkhidmatan Kru untuk Tempoh Perjanjian menurut terma dan syarat yang diperuntukkan dalam **JADUAL E** kepada Perjanjian ini.

3. OBLIGASI PENERBIT

- 3.1 Sepanjang Tempoh Perjanjian, Penerbit hendaklah bertanggungjawab termasuk tetapi tidak terhad dalam –
- (a) Melaksanakan serta mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan di **JADUAL D** Perjanjian ini, atas kos dan perbelanjaannya sendiri;
 - (b) Sekiranya Kru yang terlibat adalah tertakluk kepada Akta 350, Penerbit hendaklah sentiasa mematuhi klausa-klausa di dalam Akta tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada tempoh waktu kerja dan penggajian.
 - (c) Melaksanakan lain-lain obligasi yang ditetapkan di **JADUAL D** secara profesional dan menurut amalan Industri terbaik “*best industry practices*”;
 - (d) Penerbit dikehendaki membuat caruman PERKESO bagi setiap Kru yang terlibat sepanjang tempoh pembikinan Projek;
 - (e) Sekiranya perlu, Penerbit digalakkan membuat caruman insurans tambahan untuk melindungi keselamatan Kru sepanjang pembikinan Projek. Sekiranya pihak Penerbit tidak membuat sebarang caruman, pihak Penerbit hendaklah menanggung segala kos dan memberikan pampasan yang sewajarnya kepada Kru yang terlibat dengan kecelakaan sepanjang tempoh perkhidmatan Projek;
 - (f) Penerbit digalakkan membuat caruman KWSP bagi setiap kru;

- (g) Penerbit hendaklah mendapatkan segala kelulusan bertulis yang berkaitan sepanjang penggambaran berlangsung termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan untuk menggunakan lokasi penggambaran; dan
- (h) Penerbit hendaklah sentiasa menjaga kebajikan Kru Veteran sepanjang pelaksanaan Projek.

4. OBLIGASI KRU

- 4.1 Sepanjang Tempoh Perjanjian, Kru hendaklah bertanggungjawab melaksanakan Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan menurut terma dan syarat yang ditetapkan dalam **JADUAL E** kepada Perjanjian ini secara profesional dan menurut amalan Industri terbaik "*best industry practices.*"
- 4.2 Melainkan dipersetujui sebaliknya secara khusus oleh Pihak-Pihak, tertakluk kepada Klausula 4.1, Kru boleh terlibat atau memberikan perkhidmatannya kepada mana-mana pihak ketiga atau produksi atau penerbitan selain daripada projek di bawah Perjanjian ini.
- 4.3 Sebelum menerima apa-apa tawaran, Kru bertanggungjawab –
 - (a) memaklumkan kepada Penerbit tentang cadangan penglibatan atau pemberian perkhidmatannya kepada mana-mana pihak ketiga, produksi atau penerbitan;
 - (b) memaklumkan kepada mana-mana pihak ketiga, produksi atau penerbitan tentang pelaksanaan obligasinya di bawah Perjanjian ini sebelum menerima apa-apa tawaran;
 - (c) Sekiranya Penerbit tidak membuat caruman KWSP, Kru adalah digalakkan untuk membuat caruman sendiri;

- (d) memastikan penglibatan atau pemberian perkhidmatannya kepada mana-mana pihak ketiga, produksi atau penerbitan hendaklah dalam apa jua cara tidak menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan oleh Kru di bawah Perjanjian ini.

4.4 Penerbit berhak menamatkan Perkhidmatan Kru menurut Klausula 10 Perjanjian ini atas kegagalan Kru mematuhi Klausula 4.3 Perjanjian ini.

5. GANGGUAN SEKSUAL

5.1 Penerbit dan Kru mestilah pada setiap masa mengawal setiap perilaku yang boleh membawa maksud gangguan seksual sepertimana yang dijelaskan di dalam klausula 1 di atas.

5.2 Pihak-pihak hendaklah sentiasa mematuhi etika kerja yang bebas daripada sebarang gangguan seksual.

5.3 Mana-mana pihak yang melakukan gangguan seksual boleh dikenakan tindakan selaras dengan undang-undang yang telah termaktub termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta 840, Akta 265, Akta 574 dan/atau mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.

6. NILAI PERKHIDMATAN

6.1 Penerbit hendaklah menetapkan Nilai Perkhidmatan yang munasabah menurut kadar industri bagi perkhidmatan Kru.

6.2 Tertakluk kepada pematuhan Kru kepada terma dan syarat dalam Perjanjian ini, Penerbit hendaklah membayar Nilai Perkhidmatan menurut terma dan syarat di bawah **JADUAL F** kepada Perjanjian ini.

6.3 Bagi Kru Kanak-Kanak dan Kru Orang Muda, Penerbit hendaklah membayar perkhidmatan mengikut kadar industri semasa.

- 6.4 Penerbit hendaklah berunding dengan Kru untuk menentukan kaedah bayaran balik dan kos yang ditanggung oleh Kru jika Kru menggunakan kosnya sendiri terlebih dahulu bagi perbelanjaan yang sepatutnya diuruskan oleh Penerbit sebagaimana di dalam **JADUAL D**. Bayaran ini hendaklah dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh penyerahan resit bayaran kepada Penerbit;
- 6.5 Penerbit hendaklah membuat bayaran waktu kerja lebih masa (BKLM) mengikut kadar seperti berikut :
- a) Bagi hari biasa
Jam lebih masa x **1.5 (kadar bayaran sejam)** = BKLM
 - b) Bagi hari cuti umum
Jam lebih masa x **2 (kadar bayaran sejam)** = BKLM
- 6.6 Pembayaran perkhidmatan Kru hendaklah dibuat secara pemindahan wang dalam elektronik atau cek sahaja.

7. HAK HARTA INTELEK

- 7.1 Hak Harta Intelek Projek dalam apa jua bentuk pada masa kini atau pada masa hadapan, hendaklah menjadi hak milik dan/ atau diletakhakkan secara kekal pada Penerbit. Penerbit boleh memberikan, menyerahkan atau lesen kepada mana-mana orang untuk membuat apa-apa perubahan, pindaan, semakan, pemadam, penambahan, penyusunan semula atau apa-apa bentuk *editing* terhadap mana-mana atau apa-apa perkara yang menjadi subjek hak harta intelek yang telah diserahkan hak atau diletakkan hak kepada Penerbit.
- 7.2 Mana-mana Pihak boleh, tertakluk kepada bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang, merujuk apa-apa hal, pertikaian, percanggahan atau persoalan yang timbul daripada atau berkenaan dengan

Harta Intelek Projek kepada Tribunal Hak Cipta yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 Akta Hak Cipta 1987.

- 7.3 Penerbit boleh memberikan persetujuan untuk memberikan hak kepada mana-mana pihak ketiga untuk membuat kutipan royalti bagi pihak mereka menurut prosedur di bawah seksyen 27A Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan (Badan Pelesenan) 2012 [P.U. (A) 159 / 2012] atau mana-mana undang-undang yang terpakai dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

8. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 8.1 Pihak-Pihak dengan ini memberi representasi dan waranti bahawa pihak-pihak mempunyai kapasiti serta kuasa untuk memasuki Perjanjian ini, telah memenuhi apa-apa keperluan undang-undang dan mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan teknikal untuk melaksanakan obligasi dan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini serta tidak melanggar apa-apa peruntukan undang-undang atau perjanjian dengan pihak lain.

9. FORCE MAJEURE

- 9.1 Pihak-Pihak tidak bertanggung ke atas apa-apa ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini jika ketinggalan atau kegagalan berbangkit daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*, yang bermaksud -
- (i) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
 - (ii) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
 - (iii) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran bawah tanah yang spontan, tsunami (ombak besar) atau apa-apa bencana alam yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga;
 - (iv) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;

- (v) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (vi) pandemik atau penularan apa-apa penyakit berbahaya yang diisytiharkan kerajaan dari semasa ke semasa;
- (vii) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (viii) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak,

9.2 Pihak-Pihak hendaklah berbincang jika mana-mana obligasi di bawah Perjanjian ini terjejas akibat kejadian *Force Majeure*. Perjanjian ini juga boleh ditamatkan tanpa apa-apa pampasan kepada mana-mana Pihak jika berlaku kejadian *Force Majeure*.

9.3 Tanpa menjejaskan klausa 9.2 di atas, Penerbit hendaklah menjelaskan segala tunggakan bayaran kepada Kru dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan akibat keadaan *Force Majeure* di atas.

10. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

10.1 Pihak-pihak bersetuju bahawa sekiranya terdapat apa-apa pertikaian, pihak-pihak akan menyelesaikan pertikaian tersebut secara baik dan aman.

11. PENAMATAN PERJANJIAN

11.1 Mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian jika gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini atau Jadual yang dilampirkan di dalam Perjanjian ini;

11.2 Mana-mana Pihak berhak untuk menghendaki Penerbit atau Kru meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh

pemakluman kemungkiran tersebut. Jika Pihak gagal meremedikan pelanggaran itu dalam tempoh yang ditetapkan, maka Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan serta-merta dengan memberikan notis bertulis kepada Pihak (kemudian daripada ini disebut sebagai “Notis Penamatan”).

11.3 **Kemungkiran Am Perjanjian**

Mana-mana Pihak berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta merta dengan memberi notis bertulis kepada yang satu lagi, sekiranya –

- (a) dikenakan suatu perintah penggulungan atau suatu ketetapan oleh mahkamah untuk digulungan (yang bukan suatu penggulungan bagi maksud penyusunan atau penyatuan);
- (b) membuat suatu pindah hak atau serah hak bagi faedah pemiutang atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang atau tidak berupaya menyelesaikan hutang;
- (c) dikenakan tindakan ke atas sebahagian besar asetnya, melainkan ia telah mengambil langkah dengan suci hati bagi mengetepikan tindakan tersebut; atau
- (d) dibatalkan pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia; atau
- (e) (jika orang perseorangan) pada bila-bila masa menjadi bankrap atau pemiutang melantik seorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pemiutang bagi menguruskan aset;
- (f) tunggakan bayaran gaji Kru;
- (g) persekitaran kerja yang tidak selamat;
- (h) kebajikan Kru diabaikan dan/atau tidak dijaga; dan/atau
- (i) kegagalan mana-mana Pihak melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian ini.

11.4 Tanpa prejudis terhadap apa-apa tuntutan atau hak di bawah Perjanjian ini atau undang-undang, apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut Klausula 11.1 hingga 11.3 –

- (a) Pihak yang menamatkan Perjanjian berhak menuntut ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung akibat daripada penamatan Perjanjian ini; dan
- (b) Penerbit hendaklah membayar Nilai Perkhidmatan yang perlu dibayar dan terakru di bawah Perjanjian ini setakat pada tarikh Notis Penamatan Perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penamatan itu.
- (c) Pihak-Pihak hendaklah serta-merta menghentikan obligasi dan hak yang diberikan dan wujud di bawah Perjanjian ini;
- (d) Kru hendaklah mengembalikan semua skrip, gambar, karya kesusasteraan, karya, bahan, dokumen dan/ atau harta benda yang diberikan bagi maksud melaksanakan Perkhidmatan / Projek dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penamatan itu.

12. TANGGUNG RUGI (INDEMNITI)

- 12.1 Pihak-Pihak hendaklah menanggung rugi Pihak yang satu lagi daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, kehilangan, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pihak yang satu lagi itu akibat kehilangan, kerosakan harta atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuiaan atau ketidakjujuran Pihak yang berkenaan.

13. KERAHSIAAN

- 13.1 Pihak-Pihak, pekerja atau ejennya mengaku janji untuk melindungi kerahsiaan apa-apa maklumat berkaitan dengan Projek dan / atau Perkhidmatan dan tidak mendedahkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran Pihak yang satu lagi secara bertulis. Klausula ini hendaklah terus

berkuat kuasa selepas Tarikh Tamat atau Tarikh Penamatan Perjanjian ini atas apa-apa sebab sekalipun. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tidak membuat sebarang bentuk hantaran dan/atau komen di mana-mana platform media sosial berkaitan sebarang isu dalaman antara Penerbit dengan Kru.

14. MASA

14.1 Masa, mana-mana disebut dalam Perjanjian ini hendaklah menjadi inti pati penting di bawah Perjanjian ini.

15. PINDAAN

15.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian, termasuk apa-apa perubahan skop Projek di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis yang secara khususnya merujuk kepada Perjanjian ini tertakluk kepada persetujuan Pihak-Pihak dan ditandatangani dengan sempurna oleh kedua-dua Pihak.

16. KESELURUHAN PERJANJIAN

16.1 Apa-apa jadual atau lampiran kepada Perjanjian ini hendaklah dibaca bersekali dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

17. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

17.1 Perjanjian ini hendaklah ditetapkan dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

18. PELBAGAI

18.1 Pihak Penerbit digalakkan membuat caruman Pihak Penerbit hendaklah memberikan sesalinan perjanjian yang telah di setem berserta surat pengesahan penerimaan sesalinan perjanjian sepertimana **LAMPIRAN G**

kepada Kru dalam masa 14 hari selepas perjanjian ditandatangani.

18.2 Atas persetujuan pihak-pihak, Perjanjian ini hendaklah di setem dan kos penyeteman hendaklah ditanggung oleh pihak Penerbit.

(RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini menurunkan tandatangan dan/atau meterai masing-masing pada hari bulan dan tahun seperti yang dinyatakan di atas.

Bagi Pihak Penerbit

Meterai Rasmi)

Nama Syarikat)

No. Pendaftaran:)

Di hadapan:)
Nama)
Jawatan)
)

Bagi Pihak Kru

Meterai Rasmi/ Tandatangan)
Nama:)
No. KP / Pendaftaran Syarikat)

Di hadapan:)
Nama)
Jawatan)

JADUAL A
[MAKLUMAT PENERBIT]

BIL.	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Nama Syarikat	
2.	No Pendaftaran	
3.	Alamat Pendaftaran	
4.	Alamat Perniagaan	
5.	Butir-Butir Lesen Pengeluaran FINAS	Tempoh Sah: No. Siri: No. Lesen:
6.	Butir-Butir Lesen Hiburan Awam Kanak-Kanak dan Orang Muda (<i>sekiranya terpakai</i>)	Tempoh Sah: No. Siri: No. Lesen:
7.	No. Telefon	
8.	No. Faksimile	
9.	E-mel	
10.	Pegawai Perhubungan (<i>contact person</i>)	

11.	Senarai Kru/ Personnel Lain Yang Terlibat Dengan Projek	Bil.	Nama & No. KP/ Passport	Tugas

JADUAL B
[MAKLUMAT KRU]

BIL.	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Nama	
2.	No. Kad Pengenalan / No. Pendaftaran Syarikat	
3.	Alamat	
4.	No. Telefon	
5.	No. Faksimile	
6.	E-mel	
7.	Butir-Butir Waris /Penjaga (jika Kru adalah tertakluk dibawah Akta 350)	(a) Nama: (b) Alamat: (c) No Telefon: (d) Hubungan (dengan Kru)
8.	Kontak Kecemasan & No. Telefon	

JADUAL C
[MAKLUMAT PROJEK]

BIL.	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Projek	
2.	Tajuk	
3.	Genre	
4.	Format	
5.	Ringkasan Sinopsis	
6.	Lokasi Penerbitan	Senaraikan lokasi penggambaran (a) (b) (c)
7.	Tempoh Projek	
8.	Tarikh Mula	
9.	Tarikh Tamat	

JADUAL D
[OBLIGASI PENERBIT]

Sepanjang Tempoh Perjanjian, Penerbit hendaklah atas kos dan perbelanjaannya bertanggungjawab menyediakan kemudahan atau melaksanakan perkara yang berikut:

Bil	Obligasi	Perincian (untuk diisi oleh Penerbit)
1.	Material/ maklumat/ bahan mengenai Projek (dibekalkan dalam tempoh selewat-lewatnya 30) hari sebelum Projek bermula	<i>Cth:</i> <i>(a) skrip / dialog</i> <i>(b) jadual penggambaran</i> <i>(c)jadual pelaksanaan projek</i>
2.	Penyediaan Makanan	Nyatakan catering / atau kaedah lain
3.	Kemudahan Pengangkutan	Nyatakan kenderaan yang disewa untuk ke lokasi penggambaran tertentu atau kadar bayaran pergi/balik (RM/sehari), tertakluk kepada perbincangan / persetujuan kedua-dua pihak.
4.	Kemudahan Penginapan	Nyatakan lokasi yang disewa atau penginapan khusus yang disediakan (nyatakan hotel / kadar RM/semalam, tertakluk kepada perbincangan / persetujuan kedua-dua pihak)
5.	Kawalan keselamatan	Nyatakan bentuk kawalan keselamatan yang disediakan dan di lokasi mana

6.	Kemudahan Perubatan	<p>(a) Menyediakan kemudahan rawatan kecemasan segera (<i>first aid</i>) bagi apa-apa kecederaan kecil;</p> <p>(b) Nyatakan bentuk rawatan yang disediakan / hospital / klinik / kadar</p>
7.	Perlindungan Insurans	<p>(a) Mendaftar caruman PERKESO; dan</p> <p>(b) Jika perlu, mengambil perlindungan insurans tambahan daripada mana-mana agensi insurans yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak, yang hendaklah berkuatkuasa sepanjang Tempoh Perjanjian bagi melindungi-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) keselamatan diri Kru daripada kematian dan kecederaan; (ii) keselamatan peralatan dan kelengkapan Projek daripada kehilangan, kebakaran dan kerosakan; dan (iii) keselamatan Lokasi Penerbitan (premis yang disewa) yang termasuk apa-apa lekapan dan harta benda daripada kehilangan dan kerosakan; dan <p>(c) Mengemukakan salinan polisi insurans yang diambil apabila diminta oleh Kru untuk tujuan semakan.</p>
8.	Kos dan Duti Setem	Menanggung apa-apa kos dan duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini.
9.	Lain-Lain Obligasi	<p>(a) Mematuhi keperluan undang-undang yang berkaitan dengan pelaksanaan Projek, termasuklah mendapatkan Surat Perakuan Penggambaran (SPP) daripada Perbadanan sebelum memulakan penggambaran bagi Projek;</p> <p>(b) Bertindak secara profesional dalam mengendalikan Projek;</p>

		<p>(c) Memastikan akses dan kebenaran diperolehi bagi Kru untuk ke Lokasi Penerbitan;</p> <p>(d) Memaklumkan Kru dengan seberapa segera yang munasabah, sebarang perubahan termasuk perubahan jadual penggambaran, lokasi atau apa-apa perubahan berkaitan projek;</p> <p>(e) Melaksanakan amalan industri terbaik termasuk bersikap adil, tidak mendiskriminasikan antara Kru berdasarkan kaum, agama atau jantina dan membenarkan masa yang munasabah untuk beribadat / solat.</p> <p>(f) Memastikan kebajikan Kru sentiasa terjaga sepanjang pelaksanaan Projek</p>
--	--	--

JADUAL E**[SKOP DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KRU]**

Sepanjang Tempoh Perjanjian, Kru hendaklah bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

Bil	Perkara	Perincian
1.	Tempoh Perkhidmatan	
2.	Waktu Kerja	<p><i>Contoh: 8 jam/sehari</i></p> <p><i>Contoh: 10.00pagi – 6.00petang (Isnin – Jumaat)</i></p>
3.	Jawatan Ditugaskan sebagai /	<p>Sila nyatakan - cth:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelakon ▪ Penyedia Kostum / Wardrobe ▪ Jurusolek ▪ Penolong Pengarah ▪ Pengarah Fotografi / Jurukamera ▪ pembantu produksi ▪ pereka set
4.	Tugas-Tugas Khusus	<p>Sila masukkan:</p> <p><i>Contoh Tugas-Tugas Pelakon</i></p> <p><i>(a) Membuat latihan persediaan bagi setiap babak;</i></p> <p><i>(b) Mengkaji watak yang diberikan;</i></p> <p><i>(c) Mampu menjiwai, menghayati dan menghidupkan watak;</i></p> <p><i>(d) Menunjukkan pelbagai emosi dalam lakonan (exhibiting a wide range of emotions);</i></p> <p><i>(e) Tertakluk kepada persetujuan Pengarah membuat improvisasi (improvisation);</i></p>

		<p>(f) Menghafal dialog;</p> <p>(g) Mematuhi arahan Pengarah;</p> <p><i>Contoh Tugas-Tugas Penyedia Kostum / wardrobe</i></p> <p>(a) berbincang dengan pengarah seni / pengarah fotografi berkaitan keperluan kostum / aksesori;</p> <p>(b) mereka / membeli / menyewa / mendapatkan penaja bagi pakaian / kostum;</p> <p>(c) menyediakan senarai pakaian / kostum / aksesori untuk setiap babak;</p> <p>(d) memastikan kostum / pakaian / aksesori / props tersedia mengikut keperluan produksi;</p> <p>(e) Berbincang dengan 'contigirl' untuk memastikan kesinambungan kostum adalah betul untuk setiap babak;</p> <p>(f) menjaga kebersihan / keselamatan peralatan / kelengkapan wardrobe / kostum;</p> <p><i>Contoh Tugas-Tugas Jurusolek</i></p> <p>(a) berbincang dengan pengarah / pengarah seni tentang keperluan solekan pelakon;</p> <p>(b) menyolek / menata rias wajah pelakon mengikut keperluan solekan iaitu-</p> <p>(i) solekan langsung; atau</p> <p>(ii) solekan watak; atau</p> <p>(iii) solekan kesan khas</p> <p>(c) menjaga kebersihan / keselamatan peralatan / kelengkapan solekan;</p> <p><i>Contoh Tugas-Tugas Penolong Pengarah</i></p> <p>(g) Menentukan produksi berjalan lancar dan mengikut perancangan, jadual produksi, jadual penggambaran;</p> <p>(h) Menyampaikan segala maklumat dari Pengarah kepada</p>
--	--	--

		<p><i>pelakon dan krew produksi;</i></p> <p><i>(i) Merancang pergerakan pelakon ketika latihan bersama pelakon, jurukamera dan penata cahaya;</i></p> <p><i>(j) Memberi penerangan kepada pelakon dan krew produksi pada akhir penggambaran untuk persediaan penggambaran pada hari esok; dan</i></p> <p><i>(k) Menguruskan pelakon tambahan dan orang ramai termasuk memastikan orang yang tidak terlibat tidak berada dalam set penggambaran.</i></p> <p><i>Contoh Tugas-Tugas Pengarah Fotografi/ Jurukamera</i></p> <p><i>(l) Menyediakan peralatan sebelum penggambaran;</i></p> <p><i>(m) Memastikan kedudukan / posisi kamera mengikut kehendak Pengarah;</i></p> <p><i>(n) Tertakluk kepada keputusan Pengarah, menentukan shot, kedudukan, sudut dan pergerakan kamera;</i></p> <p><i>(o) Bekerjasama dengan penata cahaya;</i></p> <p><i>(p) Memastikan tiada sebarang elemen / objek yang tidak diperlukan berada dalam bingkai / frame ketika shot diambil.</i></p>
5.	Penjagaan Harta	<p>(a) memastikan segala aset, perkakas dan/atau peralatan yang berada di Lokasi Penerbitan dan persekitaran ruang kerja di mana Perkhidmatan dilaksanakan sentiasa dijaga dari segi kebersihan, kualiti dan keselamatannya.</p> <p>(b) sebarang kerosakan terhadap mana-mana aset, perkakas dan/atau peralatan atau apa-apa harta akibat kecuaiian Kru atau, ejen atau pekerjanya hendaklah dibaiki atau diganti dalam tempoh yang munasabah dan segala kos yang terlibat hendaklah ditanggung sepenuhnya.</p>

6.	Moral / Etika	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menjaga nama baik Penerbit dan keseluruhan kakitangan produksi; (b) Menjaga nama baik Kru dan Penerbit dan tidak melakukan apa-apa perbuatan/ perkara yang boleh memberikan implikasi negatif yang menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan/ Projek/ Penerbitan; (c) Tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti jenayah/ penyalahgunaan dadah/ perkara yang melanggar undang-undang yang menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan/ Projek; (d) Menjaga akhlak, tingkah laku dan moral yang tinggi; (e) Menjaga atau mempunyai etika kerja yang tinggi termasuk berdisiplin, berdedikasi, bertanggungjawab dan amanah.
7.	Tugas-Tugas Am	<ul style="list-style-type: none"> (a) Memberikan perkhidmatan bagi Projek mengikut ketetapan oleh Penerbit dan / atau Pengarah; (b) Melaksanakan Perkhidmatan mengikut babak, jadual penggambaran dan di Lokasi Penerbitan yang ditetapkan; (c) Mematuhi masa bertugas dan jadual penggambaran dan / atau pelaksanaan Projek yang ditetapkan oleh Penerbit dari semasa ke semasa; (d) Memastikan tiada apa-apa penerbitan, program atau komitmen lain yang bercanggah atau menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan; (e) Mematuhi arahan dan ketetapan yang diberikan oleh Penerbit atau Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Penerbit berkaitan pelaksanaan Projek dari semasa ke semasa; (f) Memaklumkan Penerbit dan / atau individu yang diberi kuasa sewajarnya oleh Penerbit apa-apa keadaan kecemasan yang berlaku yang boleh menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan. 'Keadaan Kecemasan' bermaksud apa-apa

		<p>keadaan yang di luar kawalan Kru dan termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah kesihatan dan kematian anggota keluarga terdekat;</p> <p>(g) Mengemukakan/ menyerahkan apa-apa dokumen/ laporan termasuklah laporan perubatan yang berkaitan dengan kecederaan diri/ kehilangan/ kerosakan harta benda, menandatangani dokumen/ permohonan tuntutan insurans bagi maksud tuntutan insurans itu; dan</p> <p>(h) Memastikan tahap kualiti Perkhidmatan yang sewajarnya diberikan mengikut profesion masing-masing.</p>
--	--	--

JADUAL F
[NILAI PERKHIDMATAN]

BIL.	PERKARA	JUMLAH / BUTIR-BUTIR
1.	<p>Jumlah Nilai Perkhidmatan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● cukai perkhidmatan, jika ada hendaklah ditanggung oleh Penerbit ● termasuk penglibatan untuk tujuan promosi yang ditetapkan oleh Penerbit 	<p>RM (Ringgit Malaysia)</p>
2.	<p>Bayaran Waktu Kerja Lebih Masa (BKLM) (jika berkaitan)</p>	<p>Contoh:</p> <p>(kerja lebih masa - hari biasa)</p> <p>Jam lebih masa x 1.5 (kadar bayaran sejam) = BKLM</p> <p>(kerja lebih masa – hari cuti umum)</p> <p>Jam lebih masa x 2 (kadar bayaran sejam) = BKLM</p>
3.	<p>Masa Bayaran Nilai Perkhidmatan (jika berkaitan)</p>	<p>Nyatakan -</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Harian ▪ Mingguan – selewat-lewatnya pada hari ▪ Bulanan – selewat-lewatnya pada hb setiap bulan

4.	Jadual Pembayaran (jika berkaitan)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nyatakan peringkat bayaran mengikut tempoh cth: <table border="1" data-bbox="672 233 1333 625"> <thead> <tr> <th>Peringkat</th> <th>Tarikh Bayaran</th> <th>Peratus (%)</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pertama</td> <td></td> <td>25%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Ke-2</td> <td></td> <td>25%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Ke-3</td> <td></td> <td>25%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Akhir</td> <td></td> <td>25%</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>100%</td> <td>Jumlah</td> </tr> </tbody> </table> ▪ Nyatakan lain-lain masa / jadual bayaran contoh: secara <i>lump sum</i> / mengikut babak, dll. 	Peringkat	Tarikh Bayaran	Peratus (%)	Jumlah (RM)	Pertama		25%		Ke-2		25%		Ke-3		25%		Akhir		25%				100%	Jumlah
Peringkat	Tarikh Bayaran	Peratus (%)	Jumlah (RM)																							
Pertama		25%																								
Ke-2		25%																								
Ke-3		25%																								
Akhir		25%																								
		100%	Jumlah																							
5.	Kaedah Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nyatakan pemindahan wang elektronik/ cek sahaja 																								
6.	Maklumat Bank:	<ul style="list-style-type: none"> (a) Bank: (b) Nama Pemegang Akaun: (c) No Akaun: (d) Alamat Cawangan: 																								
7.	Penalti lewat bayar Mengikut jumlah hari lewat dibayar, jika ada	<p>Nyatakan</p> <p>peratus (%) penalti daripada kadar bayaran terakru</p> <p>cth:</p> <p>penalti 1% x nilai perkhidmatan x bilangan hari kelewatan</p> <p>= 1% x 50,000 x 14</p> <p>= RM7,000 penalti lewat bayar</p>																								
8.	Tolakan (<i>set-off</i>)	<p>Tertakluk kepada bukti kerugian yang sah, Penerbit berhak membuat tolakan daripada apa-apa jumlah Nilai Perkhidmatan yang kena dibayar kepada Kru di bawah Perjanjian ini atas ketidakhadiran, kelewatan</p>																								

		atau persediaan yang kurang rapi semasa penggambaran atau pasca-produksi pada kadar yang munasabah berdasarkan kerugian / implikasi kewangan yang ditanggung.
9.	Bayaran Tambahan	<p>Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung/ dibayar terlebih dahulu oleh Kru bagi maksud pelaksanaan Perkhidmatan, hendaklah dibayar semula (<i>reimburse</i>) oleh Penerbit dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh perbelanjaan dibuat (tidak termasuk Nilai Perkhidmatan);</p> <p>Kru hendaklah mengemukakan bukti perbelanjaan seperti resit atau apa-apa dokumen bagi membuktikan perbelanjaan.</p>

JADUAL G
SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN PERJANJIAN

Tarikh: ●
No Rujukan Syarikat : ●

NAMA KRU
NO KAD PENGENALAN
ALAMAT

Tuan/Puan

PERAKUAN PENERIMAAN PERJANJIAN BAGI PROJEK

Merujuk kepada perkara di atas, saya selaku Kru bagi Projek di atas dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami serta bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian tersebut dan saya selanjutnya mengesahkan bahawa saya telah menerima sesalinan Perjanjian tersebut dari Syarikat sebelum saya memulakan kerja saya sebagai kru dengan Syarikat.

Ditandatangani oleh,

Tandatangan :
 Nama :
 No. K/P :
 Posisi /Watak* :
 Tarikh :

Disaksikan oleh,

Tandatangan :
 Nama :
 No. K/P :
 Jawatan :
 Tarikh :

Nota:

Disertakan bersama sesalinan kad pengenalan Kru